

UPM pantau lokasi sampah haram

SHAH ALAM - Universiti Putra Malaysia (UPM) akan mengadakan pemantauan dan mengambil tindakan sewajarnya kepada pihak tidak bertanggungjawab yang menceroboh dan membuang sampah haram di kawasan lapang milik universiti berkenaan.

Mengulas laporan akhbar ini Sabtu lalu, Pengarah Pejabat Strategi Korporat dan Komunikasi UPM, Dr Nor Kamariah Noordin berkata, pihaknya juga tidak akan teragak-agak melaporkan perkara itu kepada pihak berkuasa.

Menurutnya, pihak UPM sudah membina pagar halangan berkunci di lokasi tanah berdepan Hospital Serdang itu sejak dua tahun lalu namun kunci beberapa kali dipecahkan pembuang sampah haram.

Katanya, pihak UPM juga sudah membersihkan kawasan, menutup pintu masuk, membina tembok pasir dan longkang halangan bagi memastikan lori sampah tidak boleh masuk ke kawasan tersebut.

"Pihak keselamatan UPM akan pantau dan ambil tindakan sekiranya pembuang sampah haram masih cuba memecah masuk kawasan lapang UPM itu malah laporan juga akan dibuat kepada pihak berkuasa untuk tindakan segera," katanya.



UPM sudah membersihkan tapak yang menjadi tempat pembuangan sampah haram.

Mengenai cadangan Ahli Lembaga Pelawat Hospital Serdang, Liew Yew Fook supaya tanah itu disewakan sebagai parkir kenderaan pelawat Hospital Serdang, beliau berkata kawasan itu telah dirancang untuk projek pembangunan dan dalam proses mendapatkan kelulusan dari pihak berkaitan.

Sinar Harian sebelum ini melaporkan aktiviti pembuangan sampah haram berdekatan Hospital Serdang dilihat semakin kronik, bukan sahaja mencatatkan pemandangan malah bau bu-

suk membuatkan orang ramai khususnya yang hendak ke hospital berasa mual serta tidak selesa.

Aktiviti haram itu dikesan berlaku sejak enam bulan lalu dan kegiatan hanya dilakukan selepas tengah malam dipercayai bagi mengelak dikesan pihak berkuasa.

Setelah disemak, tanah kawasan lapang dijadikan tempat pembuangan sampah dikenalpasti milik UPM dan aduan juga sudah dipanjangkan kepada Majlis Perbandaran Sepang (MPSepang).